



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-16**

TARIKH : **03 FEBRUARI 2020 (ISNIN)**

MASA : **2.30 PETANG**

TEMPAT : **BILIK MESYUARAT PUSAT JAMINAN KUALITI, ARAS 4,
BANGUNAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

KEHADIRAN : **SEPERTI DI LAMPIRAN A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
16.1	Aluan Pengerusi Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-16.	Makluman
16.2	Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-13, ke-14 (Khas) Secara Edaran dan ke-15 (khas) secara edaran Mesyuarat mengambil maklum: (a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-13 yang diadakan pada 16 Julai 2019 disahkan dengan pindaan berikut: <u>Minit 13.1 (c) (ii)</u> – menggugurkan perkataan 'Penasihat' yang diulang sebanyak dua kali dalam penulisan minit ini. (b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-14 (Khas) secara edaran pada 25 Julai 2019 dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-15 (Khas) secara edaran pada 03 Oktober 2019 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
16.3	Perkara Berbangkit 16.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-13 adalah seperti Lampiran Agenda 3.0 yang dibentang. 16.3.2 Mesyuarat mengambil maklum kesemua tindakan telah diambil tindakan oleh pasukan ISMS yang terlibat.	Makluman Makluman
16.4	Laporan Objektif Keselamatan Maklumat Mesyuarat: 16.4.1 mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Disember Tahun 2019 adalah seperti mana perincian yang dinyatakan pada Lampiran Agenda 4.0 yang dibentang. 16.4.2 mengambil maklum berdasarkan laporan yang dikemukakan, daripada empat (4) Objektif Keselamatan Maklumat yang diukur, tiga (3) objektif telah mencapai sasaran manakala satu (1) objektif tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. 16.4.3 mengambil maklum objektif yang tidak mencapai sasaran adalah 'Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik'. Mesyuarat dimaklumkan punca ketidakcapaian tidak dapat dikenalpasti berikutan ketiadaan data untuk dirujuk. Bagi tujuan penambahbaikan, mesyuarat bersetuju supaya satu soalan 'open ended' ditambah pada soal selidik sedia ada bagi tujuan mendapatkan maklum balas responden yang memberi skor tidak memuaskan untuk membantu peneraju mengenalpasti punca ketidakcapaian sasaran sekiranya berlaku pada masa hadapan. 16.4.4 bersetuju dengan penetapan tiga (3) Objektif Keselamatan Maklumat beserta sasaran bagi pengukuran tahun 2020 adalah untuk diambil tindakan oleh pasukan ISMS terlibat sepertimana dinyatakan di Lampiran B .	Makluman Makluman Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti Semua Ketua Pasukan ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
16.5	Laporan Dokumentasi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Mesyuarat: 16.5.1 mengambil maklum laporan dokumentasi ISMS yang merangkumi maklumat perancangan Bengkel Penilaian Risiko ISMS pada 11 Mac 2020 dan Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) pada 31 Mac 2020 adalah sebagaimana di Lampiran Agenda 5.0 yang dibentang. 16.5.2 bersetuju supaya pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2020 bagi semua peneraju ISMS dilaksana bermula pada 1 April 2020 iaitu selepas kedua-dua bengkel tersebut dilaksanakan bagi memastikan rujukan ke atas dokumen terkini dibuat semasa audit.	Makluman Penyelaras ISMS, Semua Ketua Pasukan ISMS
16.6	Laporan Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat 16.6.1 Mesyuarat mengambil maklum status penutupan bagi penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2019 sehingga 3 Februari 2020 adalah sepertimana Lampiran Agenda 6.0 yang dibentang. 16.6.2 Mesyuarat meminta peneraju/PTJ yang terlibat supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan enam (6) Laporan Ketakakuran (NCR) dan 18 Peluang Penambahbaikan (OFI) yang belum ditutup melebihi tempoh dapat dapat ditutup dengan segera melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA). 16.6.3 Mesyuarat memaklumkan pelan tindakan bagi penutupan NCR Audit SIRIM Tahun 2019 telah dihantar kepada pihak SIRIM pada 9 Disember 2019. Bukti tindakan perlu dikemukakan kepada pihak Penyelaras Audit Dalam (PAD) UPM mengikut tempoh yang dinyatakan dalam pelan tindakan. 16.6.4 Mesyuarat turut memaklumkan pelan tindakan bagi empat (4) OFI SIRIM telah dihantar oleh semua peneraju kepada PAD pada 6 Disember 2019. Bukti tindakan perlu dikemukakan kepada CQA mengikut tempoh yang dinyatakan dalam pelan tindakan.	Makluman Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
16.7	Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat 16.7.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Penilaian Risiko Semakan Ogos 2019 adalah sebagaimana di Lampiran Agenda 7.0 yang dibentang. Secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 1243 risiko dengan tahap rendah (L), 100 risiko dengan tahap sederhana (M) dan satu (1) risiko dengan tahap Tinggi (H) hasil penilaian ke atas 942 aset. 16.7.2 Mesyuarat mengambil maklum satu (1) risiko dengan tahap tinggi yang dikenalpasti di Pusat Data melibatkan masalah banjir kilat yang berpunca daripada Projek Pembinaan Stesyen Sistem Transit Aliran Deras (MRT) berhampiran UPM serta limpahan air daripada projek di Kawasan berhampiran Pusat Data. Perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Pengurusan iDEC dan pelan pemulihan risiko yang dikenalpasti sedang dalam proses tindakan.	Makluman Makluman
16.8	Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2019 16.8.1 Mesyuarat mengambil maklum status pelaksanaan dua (2) kategori soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2019 adalah sebagaimana laporan pada Lampiran Agenda 8.0 yang dibentang merangkumi: (i) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi 2019/2020; dan (ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Pertama 2019/2020. 16.8.2 Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah ini telah dijalankan pada 1 September 2019 dan 22 September 2019 kepada pelajar baharu prasiswazah kemasukan sesi September 2019/2020 secara atas talian melalui komputer khas yang disediakan di zon pendaftaran selain menggunakan Sistem <i>QR Code</i>. Analisis yang dijalankan menunjukkan 93.15% pelajar baharu yang mendaftar berpuas hati (skala 4 dan skala 5) dengan semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran berdasarkan soalan 1 sehingga 5.	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	16.8.3 Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Pertama Sesi 2019/2020 telah dilaksana pada 25 September hingga 31 Oktober 2019 kepada pelajar prasiswazah secara atas talian menggunakan aplikasi <i>Google Form</i> . Analisis yang dijalankan mendapati pencapaian keseluruhan tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran adalah pada tahap sederhana dengan skor min 3.92.	Makluman
16.9	Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat kesemua empat (4) Pasukan ISMS bagi tempoh Julai 2019 hingga Januari 2020 adalah seperti di Lampiran Agenda 9.0 yang dibentang.	Makluman
16.10	Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2020 16.10.1 Mesyuarat mengambil maklum laporan perancangan aktiviti ISMS tahun 2020 adalah sepertimana takwim pada Lampiran Agenda 10.0 yang dibentang. Perancangan merangkumi aktiviti seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS, Kursus Audit Dalaman, Bengkel Penilaian Risiko, Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA), Audit Dalaman ISMS dan Audit SIRIM ISMS. 16.10.2 Mesyuarat meminta supaya tarikh audit lokasi SIRIM semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah turut dimasukkan ke dalam Takwim Aktiviti ISMS Tahun 2020.	Makluman Penyelaras ISMS
16.11	Hal-Hal Lain 16.11.1 Penamaan Penyelaras Penilaian Risiko ISMS Baharu Mesyuarat mencadangkan Encik Wan Hafizi Wan Umar dilantik sebagai Penyelaras Penilaian Risiko ISMS yang baharu bagi menggantikan Puan Hashimah Amat Sejani yang akan cuti belajar bermula pertengahan Februari 2020. Pemilihan beliau adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran dalam mengendalikan Sistem <i>The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment Methodology</i> (MyRAM) atau Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam di UPM.	TWP ISMS, Penyelaras ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
16.12	PENANGGUHAN MESYUARAT Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KE-16**

HADIR

1. Encik Krishnan Mariappan **- Pengerusi**
2. Encik Mustaffa Haji Dollah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Puan Noorizai Haji Mohamad Noor (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Encik Sudirman Asmadi (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
5. Encik Zaidi Talip (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
6. Encik Mohd Zul Mohd Yusoff (Ketua, Pasukan Pusat Data)
7. Encik Shahril Iskandar Amir (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
8. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
9. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
10. Puan Shamriza Shari **- Setiausaha**

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Encik Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Fahmi Azar Mistar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
5. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2019	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Cadangan Penambahbaikan Tahun 2020
1.	Memastikan bakal pelajar prasiswazah yang sah sahaja mendaftar	100%	Membuat verifikasi dokumen berikut: a. Surat tawaran kemasukan pelajar b. Kad Pengenalan/Pasport Pelajar dengan Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Dikeluarkan daripada pengukuran tahun 2020 atas justifikasi objektif ini telah mencapai sasaran 100% selama empat tahun berturut-turut (2016 -2019). Nota: Pemantauan secara dalaman masih perlu diteruskan di peringkat pasukan ISMS yang terlibat.
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% (UPM Serdang) 90% (UPM Bintulu)	Peratusan pelajar baharu yang membayar yuran secara atas talian	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	<u>Sasaran 2020:</u> UPM Serdang - 100% UPM Bintulu - 98%
3.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 3 jam	Jumlah masa yang diambil untuk memulihkan sistem	Pasukan Pusat Data	Kekal
4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar memberi skor penilaian sekurang-kurangnya 4.00 pada skala Likert 5.00	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	Kekal